

Pesaka diminta kaji semula teknik silat

- 1 SEP 1989

B. Hartan (M)

MAJLIS Sukan Negara (MSN) tidak akan 'menganaktirikan' silat olahraga sekalipun gagal memenuhi lima sasaran pingat emas pada temasya Sukan SEA XV ini.

Bagaimanapun Ketua Pengarah MSN, Haji Kamalul Ariffin Abdul Rahim, meminta Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) mengkaji semula keberkesanan teknik yang diamalkan setakat ini.

"Saya gembira dengan kejayaan empat pesilat itu bagi mengekalkan kedudukan Malaysia di tempat kedua pada segi pungutan pingat emas di belakang Indonesia.

"Saya saksikan kesungguhan mereka tetapi ada kekalahan pesilat negara di perlawanan akhir sukar diterima kerana masalah teknikal," katanya semalam.

Tetapi tambahnya, sudah tiba waktunya Pesaka memikirkan untuk mempelajari teknik yang diamalkan oleh taekwondo dan karate-do bagi memantapkan tendangan dan tumbukan.

"Saya sedia menguruskan hal ini. Itupun jika Pesaka sedia menerima cadangan baik yang saya fikirkan ini. Tetapi, ia tidak bermakna teknik silat terlalu lemah, ia cuma untuk memantapkan lagi silat," jelasnya.

Haji Kamalul Ariffin mengakui keunggulan pesilat Indonesia kerana mereka mengamalkan besar teknik daripada taekwondo, karate-do dan pelbagai jenis mempertahankan diri lain yang ada di negara itu.

Selain itu Ketua Pengarah MSN itu, berkata Pesaka tidak boleh mendiamkan diri selepas ini dan laporan 'bedah siasat' perlu diserahkan kepada MSN.

Katanya: "Bedah siasat itu perlu untuk membuktikan apa-apa kesilapan yang berlaku berikutan kekalahan tujuh pesilat di separuh akhir sebelum ini. Tetapi dari laporan awal yang saya terima dan saksikan bahawa kekalahan juara dunia Ahmad Wardi Salim dan Azam Abbas kerana kesilapan teknikal."

■ Semangat 'pantang kalah' ketika bertarung — membawa kejayaan kepada pemenang pingat emas silat olahraga kelas F, Ruzaidi Abdul Rahman pada penyeritaan kali pertama di Sukan SEA XV.

Ruzaidi, 24 tahun berkata, pada Sukan SEA di Jakarta lalu, beliau menyaksikan sebagai pemerhati dengan perbelanjaan sendiri.

"Dari situ, saya amati betul-betul corak persembahan peserta yang menjuarai kelas masing-masing," kata beliau yang berasal dari Meru, Klang.

Ruzaidi menewas Prapas Poonsombut dari Thailand.

"Saya akan berlatih lebih gigih untuk membuktikan kemampuan pada kejohanan tempatan dan antarabangsa tahun depan," kata beliau yang membabitkan diri dalam silat sejak 1975.

Menurutnya, Sukan SEA adalah pengukur kepada keupayaan beliau dalam silat olahraga.

TUMPASKAN LAWAN DALAM MASA 58 SAAT

Ahmad Khusairi catat rekod antarabangsa

B. Hartan (M)

- 1 SEP 1989

PENGURUS silat kebangsaan, Haji Shafie Abdul Rahman, berkata kejayaan Ahmad Khusairi Ibrahim merangkul pingat emas keempat dalam tempoh 58 saat itu adalah satu rekod pertandingan peringkat antarabangsa.

Sebelum ini katanya, Ahmad Wardi Salim adalah pemenang rekod kebangsaan dalam tempoh 56 saat, apabila menyingkirkan lawan di suku akhir pada Kejuaraan Silat Kebangsaan, di Port Dickson, tahun lalu.

Bagaimanapun kata Haji Shafie, kejayaan memenangi empat pingat emas oleh pesilat kebangsaan dianggap penyelamat untuk menempatkan Malaysia di tempat kedua disegi pungutan pingat emas.

Katanya, sekalipun gagal menyumpurnakan sasaran lima pingat emas yang ditetapkan oleh Majlis Sukan Nega-

ra (MSN) dan sasaran peribadi lebih daripada itu, ia tetap satu kebanggaan.

"Saya akui kesilapan membuat andaian, setelah mengetahui Indonesia menyenaraikan kebanyakan 'muka baru', di samping kebangkitan mengejut pesilat Thailand dan Brunei. Tetapi, kejayaan memenangi empat pingat emas adalah lebih baik dari Sukan SEA Jakarta, dua tahun lalu," jelas beliau.

Haji Shafie berkata, pihaknya akan berusaha mengatasi beberapa kelemahan bagi memantapkan pesilat negara bagi menghadapi kejuaraan antarabangsa selepas ini.

Selain itu, beliau akan membuat laporan 'bedah siasat' secepat mungkin seperti yang diarahkan oleh Ketua Pengarah MSN, Haji Kamalul Ariffin Haji Abdul Rahim, minggu lalu.